

Tingkat 2, Blok A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.



**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG**  
**STATE SECRETARY OF PAHANG**  
**#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>**

• Telefon : 09-5162253  
09-5126601  
• Fax : 09-5156106

Ruj. Kami : SUKPHG-1.100-9/1/9.Jld.4 (21)  
Tarikh : 0/ Julai 2021

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan**  
**Semua Ketua Jabatan Negeri**  
**Semua Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah**  
**Semua Pihak Berkuasa Tempatan**  
**Semua Badan Berkanun Negeri**  
**Semua Setiausaha Bahagian / Ketua Unit, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang**

Sahibus Samahah Dato' Sri/YAA Dato' Sri/YB Dato' Indera/YH Dato'/Tuan/Puan,

**ARAHAN TATACARA PENGOPERASIAN JABATAN / AGENSI DI MUKIM KUALA Kuantan 1, DAERAH Kuantan DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak Sahibus Samahah Dato' Sri/YAA Dato' Sri/YB Dato' Indera/YH Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengisytiharkan pelaksanaan **Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi mukim Kuala Kuantan 1, daerah Kuantan** mulai 3 Julai 2021 sehingga 16 Julai 2021 berdasarkan kepada peningkatan kes positif COVID-19 di daerah Kuantan yang semakin membimbangkan.

3. Sehubungan itu, Sahibus Samahah Dato' Sri/YAA Dato' Sri/YB Dato' Indera/YH Dato'/Tuan/Puan dikehendaki untuk memastikan **pematuhan arahan tatacara pengoperasian jabatan / agensi di mukim Kuala Kuantan 1, daerah Kuantan ketika pelaksanaan PKPD** seperti mana berikut:

- i. Kebenaran untuk **kehadiran ke pejabat adalah hanya bagi Perkhidmatan Perlu (Essential Services) sahaja dengan kapasiti kehadiran pada 10%** (pengecualian kepada sektor kesihatan dan keselamatan). Maksud bagi Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*) adalah seperti yang disenaraikan oleh MKN;
- ii. Kehadiran ke pejabat bagi perkhidmatan selain Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*) adalah tidak dibenarkan dan dikehendaki **Bekerja Dari Rumah (BDR) sepenuhnya**, dengan merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020: Dasar Bekerja Dari Rumah;
- iii. Jabatan / Agensi juga diwajibkan berdaftar dengan Majlis Bandaraya Kuantan untuk beroperasi semasa PKPD;

- iv. Semua majlis rasmi/tidak rasmi, atau sebarang bentuk majlis sosial adalah tidak dibenarkan;
- v. Mesyuarat secara bersemuka adalah tidak dibenarkan;
- vi. Semua urusan kaunter perkhidmatan yang melibatkan urusan orang awam ditangguhkan sementara waktu mulai 3 Julai 2021 sehingga 16 Julai 2021 dan digalakkan menggunakan perkhidmatan dalam talian;
- vii. Pegawai yang berstatus *Close Contact* / bergejala tidak dibenarkan hadir ke pejabat dan hendaklah melakukan pemeriksaan kesihatan secepat mungkin; dan
- viii. Lain-lain SOP Am MKN yang berkaitan bagi PKPD, mukim Kuala Kuantan 1, daerah Kuantan.

4. Sebarang pindaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai yang gagal mematuhi SOP dan perkara-perkara yang dinyatakan di atas melainkan mendapat kebenaran Ketua Jabatan. Pegawai adalah tertakluk kepada P.U. (A) 395 - Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Phg. P.U 30 - Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pahang) 2015 dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa yang mana bersesuaian.


5. Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan surat arahan ini dipatuhi oleh semua pegawai dan kakitangan jabatan masing-masing dan pemantauan kepada pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) di tempat kerja juga akan dilaksanakan oleh pasukan penguatkuasa dari semasa ke semasa.

6. Akhir kata, saya merakamkan jutaan terima kasih di atas perhatian dan keprihatinan pihak Sahibus Samahah Dato' Sri/YAA Dato' Sri/YB Dato' Indera/YH Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini.

Sekian.

**“Mudah, Cepat, Telus”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK, SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.)**

- s.k.:
1. YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali  
Ketua Setiausaha Negara  
Aras 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62502 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**
  2. YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Blok C1-C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**